BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PEN : 05/03/55 (BN)

Embargo : Tidak boleh diterbitkan atau disiarkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 28 Mei 2003

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Pertama 2003

Pertumbuhan suku pertama dalam jangkaan…

Ekonomi Malaysia terus berdaya tahan meskipun persekitaran luar negeri memperlihatkan keadaan ketidakpastian yang meningkat dan kesan wabak SARS terhadap ekonomi serantau pada akhir suku pertama. Pertumbuhan KDNK benar pada suku pertama 2003 adalah dalam jangkaan. Kegiatan ekonomi berkembang pada kadar tahunan 4% berbanding 1.3% pada tempoh yang sama tahun 2002. Pengembangan tersebut adalah positif dan merangkumi kesemua sektor.

2. Pertumbuhan pada suku pertama disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri, hasil daripada perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi. Prestasi eksport di beberapa sektor terus kukuh, seterusnya memperkukuhkan permintaan dalam negeri. Pengembangan agregat monetari terutamanya M1 mencerminkan permintaan dalam negeri yang kukuh. Pertumbuhan berian pinjaman bank yang berterusan dan peningkatan yang lebih menggalakkan dapat dilihat menerusi pinjaman kepada perniagaan kecil.

3. Gabungan dasar fiskal dan monetari yang akomodatif, inflasi yang rendah, pasaran kerja yang stabil serta harga komoditi yang lebih tinggi merupakan faktor yang menyokong permintaan dalam negeri pada suku pertama. Permintaan dalam negeri didorong oleh perbelanjaan sektor awam bagi emolumen serta bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Perbelanjaan penggunaan swasta turut memperlihatkan arah aliran yang

berdaya tahan, disokong oleh promosi yang meluas oleh pihak peruncit, pertumbuhan pendapatan boleh guna yang mapan serta keyakinan pengguna yang positif. Salah satu faktor yang penting ialah pertumbuhan positif yang berterusan dalam pembentukan modal tetap kasar. Pelaburan sektor awam yang lebih besar diperuntukkan kepada pendidikan, kesihatan dan pembangunan infrastruktur. Penunjuk yang bersifat pandang ke hadapan seperti Indeks Keadaan Perniagaan MIER yang mengandungi tempahan dan jangkaan pengeluaran, di samping kadar kelulusan pinjaman bank yang tinggi menunjukkan bahawa kegiatan pelaburan akan pulih apabila keadaan ketidakpastian reda.

Pertumbuhan mapan di kesemua sektor ekonomi

4. Pertumbuhan pada suku pertama memperlihatkan perkembangan berterusan di kesemua sektor dengan sektor perkilangan dan perkhidmatan menjadi pendorong utama. Sektor perkilangan berkembang sebanyak 5.2%, disokong oleh pertumbuhan industri berorientasikan dalam negeri yang lebih kukuh serta pengembangan industri berorientasikan eksport. Ini dicerminkan oleh kadar penggunaan kapasiti yang lebih tinggi di sektor perkilangan sebanyak 82%. Industri berorientasikan eksport dan dalam negeri masing-masing beroperasi pada tahap 83% dan 80%.

5. Sektor perkhidmatan secara keseluruhan terus mencatat pertumbuhan yang secara relatifnya kukuh sebanyak 4%, disokong oleh permintaan dalam negeri dan kegiatan berkaitan perdagangan sejajar dengan pengembangan eksport yang mapan. Sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi khususnya mencatat pertumbuhan yang mantap, didorong oleh pengembangan yang kukuh di sektor telekomunikasi serta peningkatan yang memberangsangkan bagi kegiatan pelabuhan dan yang berkait dengan perdagangan. Di samping itu, sektor pemborong, perdagangan runcit, restoran dan hotel menunjukkan prestasi yang lebih baik disokong oleh permintaan dalam negeri.

6. Kegiatan sektor pembinaan berkembang sebanyak 1.2%, disokong oleh projek sektor awam dan permintaan untuk rumah kediaman yang berterusan ketika keadaan pekerja di sektor tersebut bertambah baik. Kedatangan semula pekerja asing meningkatkan kepesatan kegiatan pembinaan. Pengeluaran di sektor perlombongan terus meningkat, didorong terutamanya oleh peningkatan pengeluaran gas asli dengan bermulanya operasi loji MLNG 3 pada bulan Mac serta pertumbuhan yang berterusan dalam pengeluaran minyak mentah. Sementara itu, sektor pertanian terus mencatat pertumbuhan yang positif meskipun pengeluaran minyak sawit mentah semakin lemah. Sektor ini disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi komoditi utama lain seperti getah, kayu balak dan koko dalam keadaan harga yang menggalakkan dan permintaan luar negeri yang kukuh.

Inflasi kekal rendah sementara pasaran buruh terus stabil

7. Purata kenaikan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP) adalah sebanyak 1.6% pada dua bulan pertama tahun 2003 tetapi menyederhana kepada 0.7% pada bulan Mac. Ini disebabkan berakhirnya kesan pelaksanaan tarif perkhidmatan telefon yang lebih tinggi pada bulan Mac 2002.

8. Secara keseluruhannya, keadaan pasaran buruh terus stabil pada suku pertama. Oleh sebab majikan menjangka kelembapan adalah bersifat sementara dan mengikut kitaran, tahap pemberhentian pekerja dan langkah-langkah pengurangan kos yang lain semakin kurang. Produktiviti meningkat dengan pertumbuhan jualan benar tahunan bagi setiap pekerja mengatasi pertumbuhan upah benar pada suku pertama.

Kedudukan sektor luar negeri kekal berdaya tahan

9. Lebihan dagangan adalah lebih besar sebanyak RM17.5 bilion pada suku pertama. Prestasi eksport kekal kukuh walaupun sederhana, disokong oleh peningkatan permintaan global terhadap separa konduktor. Eksport kasar meningkat sebanyak 7.8%, mencerminkan pertumbuhan eksport

barangan perkilangan, pertanian dan galian. Sejajar dengan permintaan global yang kukuh, eksport separa konduktor dan minyak sawit amat memberangsangkan. Walaupun jumlah eksport minyak mentah Malaysia stabil, perolehan eksport yang lebih tinggi mencerminkan harga minyak yang lebih tinggi kesan daripada peperangan. Pertumbuhan import menyederhana kepada 2.4% disebabkan terutamanya oleh peningkatan import yang lebih perlahan bagi barangan pengantara. Mencerminkan kekukuhan penggunaan swasta yang masih mapan, import barangan penggunaan meningkat sebanyak 6.9%, sementara import barangan pelaburan tidak termasuk import *lumpy* meningkat sebanyak 0.7%.

10. Ketibaan pelancong kekal menggalakkan iaitu sebanyak 2.9 juta orang pada suku pertama walaupun risiko geopolitik semakin ketara. Jumlah ketibaan pelancong dapat dikekalkan dengan purata ketibaan sebanyak satu juta orang setiap bulan, tetapi merosot kepada 0.8 juta orang pada bulan Mac disebabkan terutamanya oleh penularan wabak SARS. Kesan SARS, setelah nasihat perjalanan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dikeluarkan mulai pertengahan Mac, lebih tertumpu di kalangan pelancong dari Singapura dan Hong Kong. Kesan SARS ke atas industri pelancongan dijangka semakin kurang pada separuh kedua tahun 2003.

11. Berdasarkan Sistem Laporan Imbangan Pembayaran berasaskan Tunai, aliran masuk kasar pelaburan langsung asing (FDI) dalam bentuk ekuiti langsung dan pinjaman antara syarikat (tidak termasuk perolehan tertangguh) meningkat sebanyak RM2.9 bilion pada suku pertama 2003. Dari segi komposisi, pinjaman antara syarikat mencakupi bahagian yang penting daripada aliran masuk kasar FDI pada suku pertama. Kira-kira 60% daripada jumlah pinjaman diterima oleh sebuah syarikat multinasional (MNC) daripada syarikat sekutunya melalui operasi pusat perbendaharaannya di Malaysia. Aliran masuk ekuiti langsung terus disalurkan ke sektor perkilangan serta minyak dan gas. Aliran keluar FDI pada suku pertama mencerminkan terutamanya pembayaran balik pinjaman jangka pendek antara syarikat yang lebih tinggi serta pembayaran untuk mengambil alih kepentingan asing di sektor gas. Setelah mengambil kira aliran keluar kasar, FDI mencatat aliran

keluar bersih sebanyak RM3.4 bilion. Memandangkan aliran keluar bertujuan terutamanya untuk membiayai pertukaran hak milik kepentingan perniagaan daripada bukan pemastautin kepada pemastautin, aliran FDI tersebut tidak memberi kesan buruk terhadap kegiatan ekonomi di Malaysia. Sementara itu, pelaburan luar negeri bersih mencatat aliran keluar yang lebih rendah sebanyak RM0.8 bilion (S4 2002: -RM2.1 bilion), dengan pelaburan terutamanya di sektor minyak dan gas serta pembuatan bahagian komponen komposit bagi industri aeroangkasa. Aliran keluar pelaburan portfolio adalah lebih rendah berjumlah RM0.4 bilion pada suku pertama.

Rizab terus meningkat

12. Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM132.6 bilion atau AS$34.9 bilion pada akhir Mac 2003. Paras rizab turut mengambil kira pelarasan suku tahunan keuntungan penilaian semula pertukaran asing yang belum terealisasi berjumlah AS$211 juta. Mencerminkan asas ekonomi yang kekal kukuh, rizab antarabangsa bersih terus meningkat kepada RM138.1 bilion atau AS$36.3 bilion pada 13 Mei 2003. Paras rizab adalah mencukupi untuk membiayai 5.6 bulan import tertangguh dan 4.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Hutang luar negeri terkawal

13. Kedudukan jumlah hutang luar negeri Malaysia stabil pada RM186.8 bilion (AS$49.1 bilion) pada akhir Mac 2003, bersamaan 52.9% daripada KNK. Walaupun pinjaman luar negeri jangka sederhana dan panjang meningkat sedikit, jumlah hutang luar negeri jangka pendek berkurang kepada RM30.9 bilion atau AS$8.1 bilion. Hutang jangka pendek yang lebih rendah mencerminkan penurunan dalam kredit pusingan sektor swasta bukan bank disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik kemudahan pinjaman tersebut oleh beberapa buah syarikat utama. Pada akhir bulan Mac, hutang jangka pendek hanya mencakupi 16.5% daripada jumlah hutang luar negeri, iaitu antara yang terendah di rantau ini.

Kedudukan fiskal terus berkembang

14. Operasi belanjawan Kerajaan Persekutuan terus berkembang pada suku pertama, disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan pembangunan bagi program sosial dan ekonomi yang nyata lebih tinggi. Kesannya, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit keseluruhan yang lebih besar sebanyak RM4.7 bilion pada suku pertama. Namun demikian, hutang yang belum dijelaskan oleh Kerajaan Persekutuan dapat dibendung pada tahap 45.9% daripada KDNK (45.6% daripada KDNK pada akhir 2002). Paras hutang ini terus terkawal dengan hutang dalam negeri mencakupi sebanyak 78% daripada jumlah hutang keseluruhan.

Dasar monetari akomodatif terus menyokong permintaan dalam negeri

15. Dasar monetari kekal akomodatif bagi menyokong kegiatan ekonomi dalam negeri pada suku pertama. Kadar antara bank dan runcit kekal rendah dan stabil sementara mudah tunai kekal lega. Sejajar dengan kegiatan ekonomi yang terus berkembang, ketiga-tiga agregat monetari iaitu M1, M2 dan M3 masing-masing juga berkembang sebanyak 8.4%, 5.7% dan 6.8% pada akhir bulan Mac. Peningkatan yang kukuh dalam M1 mencerminkan permintaan yang mapan bagi baki urus niaga. Ini selaras dengan peningkatan yang mapan dalam penggunaan swasta.

16. Pertumbuhan agregat monetari adalah disebabkan terutamanya oleh kegiatan pembiayaan sektor swasta yang mapan pada suku pertama. Jumlah pembiayaan kasar melalui sistem perbankan dan pasaran modal berkembang pada kadar tahunan 12.2%. Pada suku pertama, kegiatan pinjaman bank kekal kukuh dengan pengeluaran pinjaman berjumlah RM100.4 bilion. Dua penunjuk pelopor iaitu permohonan dan kelulusan pinjaman meningkat masing-masing sebanyak 14.4% dan 14.1%. Perkembangan yang menggalakkan pada suku pertama ditunjukkan oleh pinjaman yang belum dijelaskan oleh industri kecil dan sederhana (IKS) yang terus meningkat sebanyak RM2.1 bilion. Sementara itu, jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM1.1 bilion pada suku pertama atau

3.2% pada akhir bulan Mac 2003. Pada bulan April, pinjaman dan deposit terus meningkat. Kesannya, nisbah pinjaman-deposit termasuk pegangan sekuriti swasta oleh sistem perbankan berada pada tahap 93.7% pada akhir bulan April.

17. Jumlah dana yang diperoleh di pasaran modal adalah lebih tinggi pada suku pertama. Dana bersih yang diperoleh oleh sektor awam melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) berjumlah RM20.3 bilion. Dana bersih yang diperoleh oleh sektor swasta pula berjumlah RM15.8 bilion, terutamanya diperoleh melalui sekuriti hutang swasta bagi tujuan pembiayaan semula dan penstrukturan semula hutang.

Sektor perbankan mempamerkan peningkatan daya tahan

18. Permodalan perbankan terus kukuh dengan meningkatnya kualiti aset dan keuntungan. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih (klasifikasi 6-bulan) terus menyederhana kepada 7% pada akhir Mac, manakala nisbah NPL (klasifikasi 3-bulan) menurun di bawah paras 10%, iaitu penurunan untuk kali pertama semenjak berlakunya krisis Asia. Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras terus meningkat masing-masing kepada 13.1% dan 10.9% pada akhir bulan Mac 2003.

19. Danaharta meneruskan usaha-usaha pemulihan untuk memaksimumkan nilai kutipan daripada NPL dengan kadar kutipan dijangka sebanyak 56% (48% bagi pinjaman diperoleh dan 63% bagi pinjaman terurus). Jumlah kutipan Danaharta sehingga kini bernilai RM20.3 bilion pada akhir tahun 2002, iaitu merupakan 69% daripada jumlah keseluruhan yang dijangka dapat dipulihkan daripada portfolionya. Danaharta juga mengagihkan lebihan kutipan sebanyak RM371.1 juta dalam bentuk tunai dan 55,899,542 unit sekuriti kepada 30 buah institusi kewangan sehingga akhir tahun 2002.

Penaikan taraf Bankcard berjaya dilaksanakan sepenuhnya

20. Perkembangan penting pada suku pertama adalah kejayaan sepenuhnya proses menaikkan taraf *Bankcard* oleh MEPS dan institusi kewangan tempatan. Pelancaran rasmi *Bankcard* pada 28 Februari 2003 menandakan kejayaan pelaksanaan salah satu daripada dua jenis penyelesaian kad pintar di bawah Aplikasi Perdana Kad Pelbagai Guna yang merupakan salah satu daripada tujuh Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia. Pada akhir bulan Mac 2003, lebih daripada 1.74 juta *Bankcard* telah dikeluarkan. Institusi perbankan juga sedang berusaha menaikkan taraf ATM untuk melaksanakan penambahan nilai MEPS *Cash* yang dijangka siap pada akhir suku kedua. Aplikasi ATM dan MEPS *Cash* adalah sebahagian daripada ciri Mykad yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

21. Bank Negara Malaysia juga mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan kefahaman pengguna dan menggalakkan penggunaan kad kredit yang berhemat. Dalam hal ini, Bank Negara telah mengeluarkan satu garis panduan mengenai operasi kad kredit pada 18 Mac dengan pengeluar-pengeluar kad kredit diberi tempoh selama enam bulan untuk menyesuaikan sistem yang perlu dan memastikan sistem tersebut memenuhi syarat. Garis panduan baru ini menetapkan keperluan minimum operasi kad kredit yang menggantikan garis panduan yang dikeluarkan sebelum ini. Garis panduan baru ini juga merangkumi bidang-bidang baru seperti keperluan pinjaman yang berhemat, penggunaan kad kredit dalam kegiatan yang melanggar undang-undang, tanggungan pemegang kad tambahan, tanggungan bagi kad kredit yang hilang atau dicuri serta meletakkan tumpuan tambahan kepada kesedaran pengguna dan program pendidikan.

Prospek jangka masa terdekat kekal menggalakkan

22. Dalam melangkah ke hadapan, prospek ekonomi Malaysia dijangka bertambah kukuh pada separuh kedua tahun 2003. Di sektor luar negeri, ramalan ekonomi negara-negara perindustrian utama umumnya dan Amerika

Syarikat (AS) khususnya adalah bertambah baik walaupun pertumbuhan berkemungkinan lebih sederhana daripada jangkaan awal. Langkah-langkah proaktif oleh pihak berkuasa di bidang dasar monetari dan fiskal diambil untuk menyokong pertumbuhan.

23. Di rantau ini, wabak SARS memberi kesan buruk terhadap sektor tertentu termasuk sektor runcit, perjalanan dan yang berkaitan dengan pelancongan. Prospek serantau yang dijangka menurun berikutan semakan semula ramalan pertumbuhan baru-baru ini mencerminkan kesan wabak SARS yang berbeza-beza di kalangan negara di rantau ini. Lantaran itu, Kerajaan di rantau ini mengumumkan pakej bantuan ekonomi bagi mengurangkan kesan wabak SARS. Pertumbuhan serantau keseluruhannya dijangka meningkat pada separuh kedua tahun 2003. Di Malaysia, pakej rangsangan berjumlah RM7.3 bilion diperkenalkan dengan 4 strategi utama yang melibatkan 90 langkah-langkah, bertujuan untuk mengurangkan kesan wabak SARS dan memperkukuhkan kegiatan ekonomi.

24. Sebagai sebahagian daripada pakej tersebut, kadar campur tangan 3 bulan diturunkan sebanyak 50 mata asas kepada 4.5%. Di samping langkah-langkah lain dalam pakej ekonomi bagi meningkatkan pendapatan boleh guna, langkah ini dijangka meningkatkan potensi bagi menyokong prospek pertumbuhan. Penurunan kadar faedah merupakan langkah awal yang bertujuan untuk membantu memperkukuhkan potensi pertumbuhan dalam negeri dalam suasana pertumbuhan ekonomi global yang lebih sederhana. Memandangkan asas ekonomi yang kekal kukuh dan dasar makroekonomi yang menyokong pertumbuhan, Malaysia berada pada kedudukan yang baik bagi mencapai prospek pertumbuhan.

BANK NEGARA MALAYSIA
28 Mei 2003

Jadual 1: KDNK mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada harga 1987

	2002			2003
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan Tahunan dalam %			
Pertanian	-3.6	5.5	3.0	3.6
Perlombongan	1.4	7.1	3.7	3.8
Perkilangan	-2.3	5.7	4.0	5.2
Pembinaan	2.9	0.5	2.3	1.2
Perkhidmatan	4.5	4.6	4.1	4.0
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**1.3**	**5.4**	**4.1**	**4.0**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding Suku Sebelumnya)	**-3.0**	**0.7**	**4.1**	**-4.3**

Jadual 2 : KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2002			2003
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Agregat Permintaan Dalam Negeri (tidak termasuk stok)	0.0	6.6	4.2	5.4
Penggunaan	4.6	5.1	6.2	6.2
Sektor swasta	*3.3*	*4.6*	*4.4*	*4.2*
Sektor awam	*11.4*	*6.5*	*12.2*	*15.6*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	-8.5	10.0	0.3	3.8
Eksport Barangan & Perkhidmatan	-6.5	7.2	3.6	1.9
Import Barangan & Perkhidmatan	-4.8	8.1	6.2	1.7
KDNK	**1.3**	**5.4**	**4.1**	**4.0**

Jadual 3: Sumbangan kepada Pertumbuhan (dalam nilai benar)

	2002			2003
	S1	S4	Tahun	S1
	Mata peratusan			
Agregat Permintaan Dalam Negeri (tidak termasuk stok)	0.0	6.0	3.8	4.8
Penggunaan	2.7	3.3	3.7	3.7
Sektor swasta	*1.6*	*2.2*	*2.0*	*2.0*
Sektor awam	*1.1*	*1.1*	*1.6*	*1.6*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	-2.6	2.7	0.1	1.1
Perubahan dalam stok	3.9	-0.5	2.5	-1.2
Eksport bersih	-2.6	-0.2	-2.1	0.4
Eksport Barangan & Perkhidmatan	-7.5	7.5	3.9	2.0
Import Barangan & Perkhidmatan	-4.9	7.6	6.0	1.6
KDNK	**1.3**	**5.4**	**4.1**	**4.0**

Jadual 4: Prestasi Sektor Perkhidmatan
(Nilai ditambah pada harga 1987)

	2002			2003
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan Tahunan dalam %			
Perkhidmatan Pengantara	**6.0**	**3.8**	**4.3**	**3.7**
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	2.0	3.3	2.6	4.2
Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	8.4	4.0	5.3	3.5
Perkhidmatan akhir	**3.6**	**5.2**	**4.1**	**4.1**
Elektrik, gas dan air	4.0	4.3	3.9	6.2
Perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran	1.9	2.6	2.6	3.6
Perkhidmatan Kerajaan	7.0	9.3	6.7	1.8
Perkhidmatan lain	3.6	6.9	4.6	6.2
Jumlah Perkhidmatan	**4.5**	**4.6**	**4.1**	**4.0**

Jadual 5 : Prestasi Sektor Perkilangan

	2002			2003
	S1	S4	Tahun	S1
	% Perubahan Tahunan			
Nilai ditambah (harga malar)	**-2.3**	**5.7**	**4.0**	**5.2**
Pengeluaran Keseluruhan	-3.4	6.7	4.5	6.3
Industri berorientasikan eksport	**-5.5**	**8.9**	**5.0**	**7.0**
antaranya:				
- Elektronik	-0.8	12.5	13.4	8.1
- Barangan elektrik	-9.3	-4.2	-5.1	-5.5
- Tekstil & pakaian	-14.9	4.4	-6.2	-0.6
- Bahan kimia dan keluaran kimia	-8.8	13.1	2.7	14.2
- Pemprosesan luar estet	1.0	12.0	7.1	4.4
- Keluaran getah	-4.5	5.5	2.0	9.1
- Kayu dan keluaran kayu [1/]	-15.4	1.0	-6.0	3.5
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**3.5**	**0.6**	**3.4**	**4.6**
antaranya:				
- Kelengkapan pengangkutan	18.0	-7.9	6.2	-6.3
- Keluaran logam yang direka	-4.9	-1.9	0.8	1.3
- Besi & keluli dan logam bukan ferum	-3.3	4.7	2.4	12.8
- Keluaran galian bukan logam	8.0	1.3	5.1	8.1
- Keluaran petroleum	3.4	-6.0	-4.1	1.9
- Makanan	12.4	10.3	8.7	3.2
Jumlah Eksport Perkilangan	-4.0	5.2	4.8	1.7
- Elektronik	1.1	4.6	10.6	-6.1
Separa konduktor	-13.2	36.7	19.9	27.1
Komponen elektronik	13.8	-18.0	3.5	-28.6
- Barangan elektrik	-13.9	-8.5	-9.8	-6.5
Barangan elektrik pengguna	-11.7	-9.5	-10.6	-11.8
Barangan elektrik industri & komersial	-18.8	-20.5	-17.0	-12.5
Jentera & kelengkapan barangan elektrik industri	-10.4	11.9	2.3	4.0
Perkakas elektrik isi rumah	7.0	81.8	26.1	78.3
- Keluaran kayu	-12.6	19.2	4.9	13.2
- Barangan perabot	3.2	7.5	7.7	8.8
- Tekstil, pakaian & kasut	-17.0	5.3	20.8	8.3
- Peralatan optikal & saintifik	5.6	4.8	4.6	19.2
- Bahan kimia dan keluaran kimia	-6.1	34.6	16.2	33.5
- Keluaran petroleum	-35.6	29.7	-9.0	67.3

[1/] *Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu*

Jadual 6: Sektor Perkilangan – Purata Penggunaan Kapasiti Suku Tahunan[1/]

	2002			2003
	S1	S4	Tahun	S1 a/
	Penggunaan kapasiti (%)			
Keseluruhan	**79**	**83**	**82**	**82**
Beorientasikan eksport	**78**	**85**	**82**	**83**
antaranya:				
Elektronik	79	87	84	82
Barangan elektrik	70	82	78	77
Bahan kimia dan keluaran kimia	85	90	86	97
Tekstil dan pakaian	85	74	84	75
Berorientasikan pasaran dalam negeri	**80**	**79**	**81**	**80**
antaranya:				
Keluaran petroleum	87	86	86	84
Keluaran galian bukan logam	71	70	70	67
Kelengkapan pengangkutan	99	91	96	85
Makanan, minuman dan tembakau	74	73	73	91

Sumber: Kaji Selidik Suku Tahunan Penggunaan Kapasiti Perkilangan oleh BNM

a/ anggaran

1/ Keputusan adalah berlainan daripada Kaji Selidik Syarikat Tahunan (ASC) BNM disebabkan oleh perbezaan dalam saiz sampel. ASC mencakup lebih banyak syarikat (270) manakala Kaji Selidik Suku Tahunan hanya mencakup 90 buah syarikat.

Jadual 7 : Prestasi Sektor Pertanian

	2002			2003
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai ditambah (RM juta pada harga 1987)	**-3.6**	**5.5**	**3.0**	**3.6**
Pengeluaran [1/]				
Antaranya:				
Minyak sawit mentah	-8.4	1.6	0.9	0.5
Getah	1.2	17.8	7.7	19.1
Kayu balak	-7.5	18.5	4.2	8.0
Koko	-37.2	35.2	-17.4	79.4
Eksport (RM juta)	**7.0**	**48.7**	**31.8**	**41.8**
Antaranya:				
Minyak sawit				
('000 tan)	-11.8	12.1	3.8	9.3
(RM/tan)	41.0	46.9	44.7	41.4
(RM juta)	24.4	64.7	50.2	54.6
Getah				
('000 tan)	-10.5	8.2	12.9	13.4
(Sen/kg)	-11.6	55.1	17.0	57.6
(RM juta)	-21.0	67.9	32.1	78.7
Kayu balak				
('000 meter padu)	-7.5	12.9	0.8	19.5
(RM/meter padu)	-10.2	31.8	16.6	18.9
(RM juta)	-17.0	48.8	17.5	42.1
Koko				
('000 tan)	21.3	71.2	29.6	51.7
(RM/tan)	37.0	70.3	49.5	62.9
(RM juta)	66.1	191.5	93.7	147.2

1/ Dalam '000 tan, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Jadual 8 : Prestasi Sektor Perlombongan

	2002			2003
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai ditambah (RM juta pada harga 1987)	**1.4**	**7.1**	**3.7**	**3.8**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	4.0	7.4	4.9	2.8
Gas asli (bersih) (juta kaki padu standard)	-1.6	9.3	3.5	5.8
Eksport (RM juta)	**-29.4**	**30.4**	**-4.2**	**50.9**
Antaranya:				
Minyak mentah				
('000 tan)	-0.8	5.5	7.4	4.2
(AS$/tong)	-26.1	37.2	-2.9	61.3
(RM juta)	-26.7	44.7	4.3	68.0
Gas asli cecair				
('000 tan)	-3.3	12.9	-2.6	7.6
(RM/tan)	-23.2	6.6	-8.3	26.8
(RM juta)	-25.7	20.4	-10.7	36.4

Jadual 9: Akaun Perdagangan dan Rizab

	2002			2003
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan dalam %			
Eksport kasar	**-4.9**	**9.7**	**6.0**	**7.8**
Perkilangan	-4.0	5.2	4.8	1.7
Pertanian	7.0	49.3	31.9	41.8
Galian	-29.4	29.3	-4.4	50.9
Import kasar	**-4.8**	**9.0**	**8.3**	**2.4**
Barangan modal	-9.9	6.6	10.6	-4.6
Barangan pengantara	-5.8	7.0	6.2	2.4
Barangan penggunaan	6.7	22.1	15.9	6.9
Imbangan perdagangan (RM bn)	**12.8**	**14.8**	**51.0**	**17.5**
Rizab antarabangsa bersih				
RM bilion (akhir tempoh)	**124.4**	**131.4**	**131.4**	**132.6**
Nilai dalam AS$ bilion	**32.7**	**34.6**	**34.6**	**34.9**

Jadual 11: Hutang Luar Negeri yang belum dijelaskan

	2002		2003
	S1	S4	S1
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana & panjang	152.2	154.4	155.9
Sektor awam	94.4	100.6	101.6
Sektor swasta	57.8	53.8	54.3
Hutang jangka pendek	27.3	32.2	30.9
Jumlah hutang luar negeri	179.5	186.6	186.8
- bersamaan AS$ bilion	47.2	49.1	49.1

Jadual 11: Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2002			2003
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	17.1	27.0	83.5	14.7
Perbelanjaan mengurus	14.7	22.5	68.7	11.6
Akaun semasa	**2.4**	**4.4**	**14.8**	**3.1**
Perbelanjaan pembangunan kasar	3.9	15.2	36.0	7.8
Terimaan balik pinjaman	0.2	0.5	0.9	0.1
Imbangan keseluruhan	**-1.3**	**-10.2**	**-20.3**	**-4.7**
Memo:				
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	146.0	165.0		175.3
	Pertumbuhan Tahunan (%)			
Hasil	17.1	4.9	5.0	-14.0
Perbelanjaan mengurus	30.2	-9.0	7.8	-20.8
Perbelanjaan pembangunan kasar	-27.1	-10.3	2.1	101.4

Jadual 12: Penunjuk Monetari

	2002			2003
	S1	S4	Tahun	S1
	Pertumbuhan Tahunan (% pada akhir tempoh)			
M1	12.3	10.3	10.3	8.4
M2	6.1	5.8	5.8	5.7
M3	6.1	6.7	6.7	6.8
Pinjaman[1/]	4.6	4.2	4.2	3.2
Deposit	4.5	5.3	5.3	6.0
	Pada tempoh (RM bilion)			
Kelulusan	30.9	33.6	137.9	35.3
Pengeluaran	99.9	106.0	411.9	100.4
Pembayaran balik	96.7	104.9	402.9	100.9
	Pada akhir tempoh (%)			
Kadar faedah antara bank				
1 bulan	2.74	2.99	2.99	2.99
3 bulan	3.24	3.13	3.13	2.90
Deposit tetap bank perdagangan				
1 bulan	3.20	3.20	3.20	3.20
3 bulan	3.21	3.20	3.20	3.20
BLR bank perdagangan	6.39	6.39	6.39	6.39
	Purata Pertumbuhan Tahunan bagi tempoh (%)			
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	1.4	1.8	1.8	1.4
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)	-0.9	11.2	4.4	11.9

1/ Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta

Jadual 13: Penunjuk Kewangan Sistem Perbankan

	2002				**2003**
	Mac	**Jun**	**Sep.**	**Dis.**	**Mac**
Modal					
Nisbah modal teras (%)	10.8	10.9	11	10.7	10.9
RWCR (%)	12.6	13.2	13.3	12.8	13.1

Jadual 14: BSKL – Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir				
	2002				2003
	S1	S2	S3	S4	S1
Indeks Harga					
- Komposit	756.10	725.44	638.01	646.32	635.72
- EMAS	181.72	176.5	155.39	157.25	153.98
- Papan Kedua	132.29	119.84	102.89	98.24	93.00
Purata Urus niaga harian					
- Jumlah (juta unit)	304.9	299.3	159.1	143.4	213.6
- Nilai (RM juta)	636.1	643.8	349.2	275.8	367.1
Permodalan Pasaran (RM b)	517.63	505.89	476.35	481.62	478.3
Bilangan Syarikat yang Disenaraikan	826	843	859	865	874